KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	8/9/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	33
JABATAN	:	PERHILITAN			

UM, 8 Sept
2021_33

Gajah PKGK Kuala Gandah 'rindu' beraksi

TEMERLOH: Sebanyak 31 ekor gajah di Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan (PKGK) Kuala Gandah, Lanchang di sini 'rindu' beraksi dan berinteraksi di hadapan pelawat selepas pusat itu tidak beroperasi hampir tiga bulan lalu.

Buat masa ini, hasrat pelancong domestik menyaksikan aksi haiwan purba berkenaan terpaksa ditangguhkan sehingga negeri ini memasuki ke fasa tiga Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Pengurusan pusat itu berharap gelembung pergerakan pelancongan bersasar domestik di PKGK dapat dilaksanakan seperti Bukit Fraser dan Pulau Tioman.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Pusat PKGK Kuala Gandah, Che Ku Mohd. Zamzuri Chik Wan Ab.Rahman berkata, pusat itu mempunyai sekumpulan gajah berusia antara empat bulan hingga 50 tahun yang terlatih dan menjadi aset alam kepada manusia

Menurut beliau, PKGK Kuala Gandah ditutup tiga bulan bermula 18 Mac tahun lalu ekoran Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan dibuka semula pertengahan Jun tahun lalu dan selepas itu ditutup hingga sekarang.

"Cadangan pembukaan destinasi pelancongan popular hasil gelembung pelancongan negara diharap membabitkan PKGK kerana gajah-gajah jinak sudah lama tidak beraksi," katanya di sini semalam.

Che Ku Mohd. Zamzuri berkata, sepanjang penutupan PKGK Kuala Gandah, seramai 20 kakitangan terus menjaga kesihatan 31 ekor gajah.

"Tugasan memandikan gajah, memberi makan dan membiarkan gajah berjalan kawasan sekitar serta latihan aksi adalah rutin harian," katanya.

Beliau menjelaskan, PKGK Kuala Gandah mahu semua gajah di situ sentiasa dalam keadaan baik.